

Siaran Media

Untuk Siaran Segera

13 April 2017

LAWATAN KERJA YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR KE PROJEK 'SMART WASTE TO ENERGY' YANG DIBANGUNKAN OLEH CYPARK

Port Dickson, Negeri Sembilan, - YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar - Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, hari ini melawat 'Cypark SMART Waste to Energy' (WTE) yang terletak di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus

Projek yang dikenali sebagai (SMART) ini dibangunkan oleh Cypark Resources Berhad di kawasan seluas 70 hektar. Projek yang dijangka siap pada 2018 mempunyai kapasiti penghasilan tenaga elektrik sehingga 25 MWh. Ia adalah satu penyelesaian pengurusan sisa bersepadu yang menyediakan solusi berkesan dan jelas untuk mengasingkan sisa pepejal juga sisa yang boleh dikitar semula.

Projek SMART WTE adalah projek perintis negara dengan menampilkan solusi menyeluruh berkenaan pengurusan sisa; ia dapat mengurangkan 20 peratus bahan buangan daripada dihantar ke tapak pelupusan. Projek SMART WTE dibina bersama Kemudahan Pengasingan Sisa (WSF), 'Fully Anaerobik Bioreactor System' (FABIOS) dan 'Waste to Energy Plant' (WTE) sebagai sistem bersepadu rawatan sisa pepejal, setiap daripada sistem ini memiliki fungsi masing-masing dan ia dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan yang berkeluasan kira-kira 50 hektar dalam tempoh 25 tahun akan datang.

Pengerusi Eksekutif Cypark Resources Berhad, Tan Sri Razali Ismail dan Dato' Daud Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cypark Resources Berhad berada di tapak untuk menyambut menteri dan delegasinya.

###

Disediakan oleh: Cypark Resources Berhad

Tarikh: 13 April 2017

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Mohd Helmey Abd Kadir

Tel: +6 03 7660 6170 / +6 03 7954 0208

Hand Phone: 016-2610994

Email: marketing.pr@crbenv.com